

23 MAY 2000

MAHATHIR-AFRIKA

MAHATHIR: MALAYSIA RAIH FAEDAH DENGAN BERI BANTUAN KEPADA AFRIKA

KUALA LUMPUR, 23 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini bahawa Malaysia akan memperolehi banyak faedah dengan membantu negara-negara Afrika memperkayakan diri mereka sendiri.

"Kami adalah penduduk yang amat mementingkan diri sendiri," kata beliau secara berseloroh, sambil menambah: "kami mahu memperkayakan mereka bagi membolehkan kami menjual dengan lebih banyak kepada mereka dan sekaligus kami sendiri menjadi lebih kaya."

"Orang miskin tidak menjadi rakan kongsi perniagaan yang baik."

Bercakap pada persidangan akhbar selepas merasmikan Forum Perniagaan Asia Afrika Ketiga di sini hari ini, Dr Mahathir berkata Asia dan Afrika boleh mempelajari di antara satu sama lain.

"Afrika boleh juga mempelajari daripada memandang ke Timur. Kita perlu memahami kedudukan Afrika dan mencari jalan untuk membangun dan menyumbang ke arah menyelesaikan sebahagian daripada masalah mereka," tambahnya.

Sementara itu, pentadbir bersekutu Rancangan Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP), Zephirin Diabre, berkata nama baik Afrika terjejas dan ia terkenal sebuah benua yang sering dilanda bencana alam, peperangan, dan urusan tadbir yang lemah.

"Secara terus terang, Afrika perlu banyak mempelajari dari Asia - mengenai urus tadbir yang baik dan kerajaan baik, mengenai pembangunan berkesan dan samarata, mengenai keusahawanan yang berjaya," katanya.

Afrika juga kesuntukan masa kerana benua itu sering mengalami pertikaian, tambahnya.

Beliau menyarankan supaya forum itu menubuhkan sebuah dana pelaburan Asia-Afrika, sebuah yayasan kebudayaan bersama dan sebuah Dewan Perdagangan Asia-Afrika yang boleh membantu membina perhubungan lebih rapat di kalangan rantau itu, dan juga mencetuskan pelaburan perniagaan yang berpotensi.

Diabre berkata dana itu pada peringkat permulaan disaran dilancarkan dengan sejumlah AS\$1 juta dan pelaburan boleh dibuat sama ada di dalam bursa-bursa saham di Afrika atau dalam projek-projek penswastaan.

-- BERNAMA

DVS KTC OS